

# **TAHAP PERSEKITARAN SEKOLAH DALAM PELAKSANAAN AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH**

Mohd Fazli Hasan

Kementerian Pendidikan Malaysia

Suhaida Abdul Kadir  
Soaib Asmiran

Universiti Putra Malaysia

## **ABSTRAK**

*Satu kajian telah dijalankan untuk mengenalpasti sejauhmana persekitaran sekolah menyokong pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. Data dikumpulkan daripada 291 orang guru sekolah menengah daerah Klang menggunakan soalselidik yang diubahsuai berdasarkan tiga dimensi daripada "School-Level Environment Questionnaire (SLEQ)" yang dibangunkan oleh Rentould dan Fraser (1983). Dapatan kajian menunjukkan skor min bagi persekitaran sekolah adalah pada tahap sederhana ( $M=3.17$ ;  $sp=.20$ ). Ini bermakna persekitaran sekolah dalam aspek hubungan, pembangunan peribadi dan sistem penyelenggaraan dan perubahan masih kurang menyokong pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. Berdasarkan dapatan kajian ini, pentadbir sekolah dicadangkan menambahbaik persekitaran sekolah agar aktitiviti kokurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.*

**Kata Kunci:** *persekitaran sekolah, kokurikulum sekolah, sekolah menengah*

## **PENGENALAN**

Kokurikulum adalah aktiviti luar atau gerak kerja yang bercorak pendidikan serta dapat menyediakan pengalaman pembelajaran kepada pelajar. Aktiviti kokurikulum merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Aktiviti Kokurikulum merupakan suatu aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar atau di dalam bilik darjah (Nor Azah, 2007). Peraturan-Peraturan Pendidikan dalam Warta Kerajaan(1998) menjelaskan kegiatan atau aktiviti kokurikulum adalah apa-apa kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah.

Aktiviti kokurikulum adalah jelas boleh menambah pengalaman penting dan kemahiran kepada pelajar(Reaves et al. 2010). Menurut Ramlan (2002),

kokurikulum adalah aktiviti pembelajaran tidak formal yang berteraskan keperluan murid mengalami sendiri aktiviti-aktiviti kependidikan dalam keadaan sebenar. Kokurikulum mesti dilihat sebagai pelengkap kepada akademik dan sebahagian cara hidup (Saifuddin, 2006). Kokurikulum penting dalam membantu melengkapi dan memperkuuhkan proses pembelajaran di dalam bilik darjah, di samping itu ianya dapat menunjukkan perubahan tingkah laku serta mempengaruhi sahsiah pelajar. Perdebatan kesan aktiviti kokurikulum berpunca daripada minat yang semakin meningkat bagaimana belia menghabiskan masa mereka, terutama bagi manfaat akademik, psikologi, dan sosial (Marsh dan Kleitman, 2002). Perspektif pada aktiviti kokurikulum telah diambil perhatian sejak penyelidik menemui kesan positif terhadap kemahiran hidup dan pencapaian akademik terhadap aktiviti kokurikulum yang boleh untuk pelajar (Marsh dan Kleitman, 2002). Penglibatan kokurikulum mempunyai kesan positif ke atas kegigihan dan pencapaian pendidikan (Pascarella dan Terenzini, 2005).

Kesepadan antara kurikulum dan kokurikulum bagi melahirkan pelajar yang seimbang telah termaktub dalam rancangan KBSR (1983) dan KBSM (1989). Pihak sekolah perlu mengadakan atau menjalankan aktiviti kokurikulum untuk mengembangkan potensi individu meliputi pelbagai aspek seperti peluasan pengalaman pelajar dalam bidang tertentu, pembentukan sahsiah dan disiplin, peningkatan tahap kesihatan dan kesejahteraan diri, peningkatan kemahiran dan komunikasi (Omardin, 2007). Menurut Foster (2008) aktiviti kokurikulum terdapat pada semua peringkat dalam semua sistem pendidikan terutama sekolah menengah. Di sekolah menengah, setiap pelajar diwajibkan menyertai tiga jenis bidang kokurikulum iaitu kelab dan persatuan, sukan dan permainan, dan unit beruniform (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1985).

Aktiviti kokurikulum sekolah merangkumi aktiviti kelab/persatuan, badan beruniform serta kelab sukan dan permainan merupakan aktiviti luar bilik darjah. Kepentingan aktiviti kokurikulum juga setara dengan kepentingan aktiviti dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Penilaian aktiviti kokurikulum boleh meransang pelajar untuk bergiat lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum. Penglibatan yang cemerlang dalam aktiviti kokurikulum boleh dijadikan sandaran atau sokongan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

## SOROTAN LITERATUR

### Persekitaran Sekolah

Persekutuan sekolah boleh ditakrifkan sebagai set ciri-ciri dalam yang membezakan satu sekolah dengan sekolah lain, dan mempengaruhi tingkah laku ahli-ahlinya, kedua-dua kakitangan dan pelajar (Hoy dan Miskel, 1987). Fraser (1986) menyatakan bahawa faktor persekitaran sekolah adalah lebih luas. Iklim bilik darjah terhad kerana melibatkan hubungan antara pelajar dan pelajar dan antara pelajar dan guru dalam sempadan bilik individu. Jarzabkowski (2002) menyatakan

bahawa persekitaran sekolah bermakna semua keadaan, sumber dan aktiviti saling bersepada secara langsung atau tidak langsung yang memberi kesan kepada fungsi sekolah. Persekitaran sekolah merujuk kepada persekitaran fizikal dan iklim psikososial boleh menetapkan peringkat persepsi positif guru dan pelajar terhadap sekolah.

Odogwu et al. (2011) menyatakan bahawa persekitaran sekolah sebagai persekitaran sosial (hubungan guru-pelajar, hubungan dengan guru-guru lain dan pengetua sekolah), persekitaran afektif (kesejawatan, kesaksamaan gender, rasa keberkesanan guru dan kebebasan kakitangan) dan persekitaran akademik (pembangunan profesional guru, sumber dan peralatan serta tekanan kerja). Tableman (2004) telah mengenal pasti empat aspek persekitaran sekolah iaitu:

- (1) persekitaran fizikal yang mesra dan kondusif untuk pembelajaran,
- (2) persekitaran sosial yang menggalakkan komunikasi dan interaksi,
- (3) persekitaran yang berkesan yang menggalakkan rasa kekitaan dan harga diri,
- (4) persekitaran akademik yang menggalakkan pembelajaran dan memenuhi diri.

Persekitaran sekolah yang menyokong adalah penting untuk meningkatkan pengurusan oleh guru penasihat dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum. Beberapa aspek persekitaran sekolah mempengaruhi guru-guru penasihat merancang untuk membimbing dan mengajar dan niat mereka untuk meningkatkan keberkesanan perlaksanaan kurikulum. Aspek persekitaran sekolah seperti jenis sekolah, bilik darjah, dan masyarakat yang mempunyai kesan ke atas hubungan antara pengajaran dan pembangunan pelajar (Zeichner, 1986). Pelbagai faktor dalam persekitaran sekolah, seperti gabungan guru dan kepentingan profesional, telah didapati mempengaruhi amalan pengajaran guru, yang seterusnya mempengaruhi sikap dan pencapaian pelajar (Webster & Fisher, 2003). Persekitaran sekolah sering dikonsepkan sebagai konteks psikososial di mana guru-guru bekerja dan mengajar (Fisher dan Fraser, 1991). Kajian oleh Templeton et al. (1998) bagi menilai persekitaran sekolah di sekolah bandar untuk menerangkan apa yang guru merasakan menjadi faktor penting dalam membangunkan persekitaran sekolah yang lebih selamat. Respon kepadas oal selidik Tahap Persekitaran Sekolah (SLEQ) mencadangkan bahawa guru mahukan lebih sokongan pelajar, lebih banyak sumber dan kerja-kerja yang kurang tekanan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif-objektif khusus dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan tahap persekitaran sekolah dalam pelaksanaan aktiviti kurikulum di sekolah.
2. Menentukan tahap persekitaran sekolah dalam aspek hubungan
3. Menentukan tahap persekitaran sekolah dalam aspek pembangunan peribadi
4. Menentukan tahap persekitaran sekolah dalam aspek sistem penyelenggaraan dan perubahan

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini menggunakan soal-selidik bagi melihat tahap persekitaran sekolah dalam perlaksanaan aktiviti kokurikulum. Kaedah ini digunakan untuk mengumpul data dari sampel yang kecil untuk membuat generalisasi terhadap populasi yang lebih besar. Saiz sampel ditentukan melalui kaedah pengiraan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan sampel ketua guru penasihat adalah melalui dua peringkat iaitu pertama menggunakan teknik persempelan berkadar. Teknik persempelan berkadar adalah dengan menentukan jumlah responden bagi setiap sekolah adalah berkadar dengan jumlah populasi ketua guru penasihat unit kokurikulum di sekolah menengah kebangsaan daerah Klang. Seterusnya pemilihan sempel secara rawak ketua guru penasihat unit kokurikulum di setiap sekolah. Bilangan sampel ini adalah memadai untuk mewakili populasi kajian ini. Kemungkinan berlaku ralat persampelan hanya pada 5% kerana formula penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) dibangunkan pada 95% aras keyakinan.

Konstrak dimensi persekitaran sekolah mengandungi dimensi hubungan, dimensi pembangunan peribadi dan dimensi sistem penyelenggaraan-perubahan yang telah diubahsuai daripada “*School-Level Environment Questionnaire (SLEQ)*” yang dibangunkan oleh Rentoul dan Fraser (1983). Setiap item soalan untuk mengukur persekitaran sekolah menggunakan ukuran skala Likert lima poin. Jumlah populasi ketua guru penasihat di 31 buah sekolah menengah adalah seramai 1096 orang (PPD Klang, 2012). Seramai 350 orang guru telah dipilih secara rawak mengikut kadar jumlah guru di setiap sekolah sebagai sampel kajian. Dari jumlah tersebut hanya 291 responden telah menjawab soal selidik kajian.

Kajian rintis telah dijalankan untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen atau soal selidik menggunakan pekali *Alpha Cronbach*. Nilai yang diperolehi untuk 50 item faktor persekitaran sekolah ialah 0.79. Nilai bacaan Alpha Cronbac ini menunjukkan kebolehpercayaan soal selidik sesuai dan boleh digunakan sebagai alat kajian. Mengikut ‘*Guilford’s rule of thumb*’ (Guilford, 1973), nilai alpha  $>0.9$  adalah dalam tahap yang cemerlang dan nilai alfa  $>0.8$  adalah dalam tahap yang baik. Nilai alfa  $>0.6$  adalah dalam tahap yang dipersoalkan, tetapi masih boleh diterima (Ary et al., 2002). Secara keseluruhannya, instrumen dalam kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan dalam tahap yang boleh diterima.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian adalah berbentuk soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden. Soal selidik digunakan bagi tujuan mendapatkan data daripada responden mengenai tahap persekitaran sekolah dalam perlaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah menengah. Soal selidik guru mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A mengenai maklumat demografi responden dan bahagian B adalah item mengenai faktor persekitaran sekolah. Sebanyak enam item terdapat pada bahagian A iaitu jantina, kumpulan umur,

kelayakan akademik, kelulusan iktisas, tempoh perkhidmatan dan jawatan yang disandang.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Maklumat Demografi

Seramai 350 orang guru telah dipilih secara rawak mengikut kadar jumlah guru di setiap sekolah sebagai sampel kajian. Dari jumlah tersebut hanya 291 responden telah menjawab soal selidik kajian. Majoriti responden terdiri daripada guru perempuan. Sejumlah 74.6% (n=217) daripada responden adalah orang guru perempuan dan selebihnya iaitu 25.4% (n=74) orang guru lelaki. Mengikut taburan kumpulan umur, sejumlah 4.5% (n=13) berusia kurang 25 tahun. Sejumlah 41.9% (n=122) responden berumur antara 26 hingga 35 tahun. Sejumlah 38.8% (n=113) responden berumur antara 36 hingga 45 tahun, dan sebanyak 14.8% (n=43) responden berumur 45 tahun ke atas.

Bagi maklumat tahap pendidikan atau kelayakan akademik tertinggi responden kajian ialah Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 84.5% (n=246). Manakala sejumlah 13.4% (n=39) responden memiliki Ijazah Sarjana. Selebihnya sejumlah 1.0% (n=3) responden memiliki kedoktoran dan 1.0% (n=3) responden memiliki lain-lain kelayakan akademik seperti sijil STPM atau diploma. Analisis data kelulusan iktisas menunjukkan 11.7% (n=34) responden memiliki kelulusan iktisas sijil perguruan sahaja dan sejumlah 8.6% (n=25) responden memiliki diploma perguruan. Sejumlah 22.0% (n=64) responden mempunyai kelulusan iktisas diploma pendidikan. Responden yang mempunyai kelulusan iktisas kursus perguruan lepasan ijazah (KPLI) ialah 21.6% (n=63). Kelulusan iktisas yang paling banyak ialah dari integrasi pendidikan iaitu sebanyak 36.1% (n=105).

Maklumat bagi tempoh perkhidmatan pula menunjukkan sebanyak 27.1% (n=79) kurang dari 5 tahun, 22% (n=64) telah berkhidmat antara 6 hingga 10 tahun. Sebanyak 20.6% (n=60) telah berkhidmat antara 11 hingga 15 tahun. Sebanyak 30.2% (n=88) telah atau sedang berkhidmat 16 tahun ke atas. Dari segi jawatan, sejumlah 2.7% (n=8) adalah responden yang memegang jawatan guru kanan mata pelajaran. Sejumlah 25.4% (n=74) merupakan responden sebagai ketua panitia. Selebihnya, sejumlah 71.8% (n=209) adalah responden sebagai guru penolong atau guru biasa.

### Tahap Persekitaran Sekolah

Analisis data bagi persekitaran sekolah berdasarkan dapatan responden guru ditunjukkan dalam Jadual 1. Berdasarkan Jadual 1, min bagi persekitaran sekolah ialah 3.17 dengan sisihan piawai .20. Secara keseluruhan, persepsi responden terhadap faktor persekitaran sekolah adalah sederhana dalam perlaksanaan aktiviti kokurikulum. Pembolehubah persekitaran sekolah mempunyai

tiga dimensi iaitu dimensi hubungan, dimensi pembangunan peribadi dan dimensi sistem penyelenggaraan dan perubahan.

Jadual 1: *Min dan sisihan piawai Persekutaran Sekolah dan Setiap Dimensi*

Pembolehubah	Min	SP
Persekutaran Sekolah	3.17	.2
Hubungan	3.45	.36
Pembangunan Peribadi	3.44	.39
Sistem Penyelenggaraan dan Perubahan	2.98	.18

Berdasarkan Jadual 1, min bagi dimensi hubungan dalam aspek persekitaran sekolah ialah 3.45 dengan sisihan piawai .36. Secara keseluruhan, persepsi responden terhadap aspek persekitaran sekolah dalam dimensi hubungan adalah sederhana. Analisa dapatan menunjukkan min bagi dimensi pembangunan peribadi dalam aspek persekitaran sekolah ialah 3.44 dengan sisihan piawai .39. Secara keseluruhan, persepsi responden terhadap aspek persekitaran sekolah dalam dimensi hubungan adalah sederhana. Dapatan juga menunjukkan min bagi dimensi sistem penyelenggaraan dan perubahan dalam persekitaran sekolah ialah 2.98 dengan sisihan piawai .18. Secara keseluruhan, persepsi responden terhadap persekitaran sekolah dalam dimensi sistem penyelenggaraan dan perubahan adalah rendah.

Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi guru-guru terhadap persekitaran sekolah secara keseluruhannya adalah pada tahap sederhana. Mohd Jaflus (2008) menyatakan bahawa faktor struktur adalah faktor utama penghalang kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum diikuti dengan faktor intrapersonal dan interpersonal pelajar. Faktor struktur kajian beliau merujuk kepada prasarana dan peralatan di sekolah, masa perlaksanaan dan peruntukan kewangan. Faktor intrapersonal lebih merujuk kepada faktor dalaman pelajar seperti interaksi atau hubungan sesama pelajar, atau pelajar dengan guru. Faktor interpersonal pula merujuk kepada faktor yang wujud dari luar yang mempengaruhi diri pelajar seperti tekanan, budaya, kemampuan dan kemahiran. Oleh itu ketiga-tiga dimensi pada persekitaran sekolah memainkan peranan mempengaruhi penglibatan pelajar aktiviti kokurikulum di sekolah.

Dalam kajian ini dimensi hubungan mengukur sejauh mana warga sekolah terlibat dengan pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum dan sejauhmana mereka saling membantu antara satu sama lain. Secara keseluruhannya, dimensi hubungan adalah pada tahap sederhana ( $M=3.45$ ;  $SP=.36$ ). Berdasarkan analisis item seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, pernyataan yang mendapat skor min yang rendah ialah dari segi pelajar membuat bising, berkelakuan buruk dan menimbulkan masalah semasa aktiviti ko-kurikulum. Dapatan ini menunjukkan perlunya pentadbir sekolah memperbaiki persekitaran ini agar perlaksanaan aktiviti ko-kurikulum dapat berjalan lebih lancar.

Jadual 2: Analisa Item Persekutaran Sekolah bagi dimensi Hubungan

Item	Min	SP
Saya merasakan bahawa saya mempunyai ramai kawan dalam kalangan rakan sejawat di sekolah ini.	4.06	0.53
Pelajar dapat bergaul baik dengan guru semasa aktiviti kokurikulum.	3.99	0.58
Saya rasa diterima oleh guru lain dalam kokurikulum.	3.92	0.74
Saya merasakan bahawa saya boleh bergantung kepada rakan sejawat untuk bantuan, jika perlu.	3.75	0.77
Kebanyakan pelajar membantu dan memberi kerjasama kepada guru semasa aktiviti kokurikulum.	3.70	0.84
Kebanyakan pelajar adalah menyenangkan dan mesra terhadap guru semasa aktiviti kokurikulum.	3.68	0.81
Kebanyakan pelajar bersopan santun dan menghormati kakitangan sekolah semasa aktiviti kokurikulum.	3.68	0.69
Saya selalu berasa keseorangan dan terbiar daripada perkara yang berlaku dalam bilik guru.	3.58	0.92
Saya jarang menerima galakan daripada rakan sejawatan dalam perkara berkaitan kokurikulum.	3.19	0.93
Rakan sejawat saya jarang mengambil perhatian terhadap pandangan dan pendapat profesional saya dalam kokurikulum.	3.05	0.84
Terdapat ramai pelajar bising dan berkelakuan buruk semasa aktiviti kokurikulum.	3.01	0.98
Terdapat ramai pelajar yang suka mengganggu dan menimbulkan masalah di sekolah semasa aktiviti kokurikulum.	2.97	0.98
Disiplin yang amat ketat diperlukan untuk mengawal kebanyakan pelajar semasa aktiviti kokurikulum.	2.24	0.85

Dimensi pembangunan peribadi dalam kajian ini mengukur sejauhmana perkembangan professional guru menyokong pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi pembangunan peribadi juga adalah pada tahap sederhana ( $M=3.49$ ;  $SP=.39$ ). Analisis item dalam Jadual 3 menunjukkan responden melaporkan bahawa aktiviti perkembangan professional yang berkait dengan ko-kurikulum kurang diberi penekanan dan responden juga kurang berbincang sesama mereka tentang aktiviti ko-kurikulum. Pentadbir sekolah dicadangkan melihat aspek ini secara lebih serius dalam usaha meningkatkan persekitaran yang kondusif untuk perlaksanaan aktiviti ko-kurikulum.

Jadual 3: Analisa Item Persekutaran Sekolah bagi dimensi Pembangunan Peribadi

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
Guru menunjukkan minat dalam aktiviti profesional rakan sejawat mereka.	3.92	0.51
Guru berminat belajar daripada rakan sejawat mengenai kokurikulum.	3.89	0.57
Guru kerap membincangkan kaedah dan strategi perlaksanaan aktiviti kokurikulum antara satu sama lain.	3.78	0.61
Ramai guru yang menghadiri kursus dalam perkhidmatan dan kursus pembangunan profesional lain yang berkaitan kokurikulum.	3.41	0.85
Guru mengelak bercakap antara satu sama lain mengenai aktiviti unit kokurikulum masing-masing.	3.34	0.98
Perkara profesional jarang dibincangkan semasa mesyuarat kokurikulum.	2.96	0.9
Guru menunjukkan minat yang sedikit mengenai perkara kokurikulum yang sedang berlaku di sekolah lain.	2.74	0.85

Sistem penyelenggaraan dan perubahan dalam kajian ini mengukur sejauhmana wujud kelancaran kerja, ekspektasi yang jelas, terkawal dan responsif kepada perubahan dalam pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum. Skor min bagi dimensi ini adalah paling rendah berbanding dengan dimensi yang lain, iaitu  $M=2.98(S.P.=.19)$ . Analisis item menunjukkan responden mempersepsikan kemudahan dan kebebasan untuk melakukan perubahan dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum adalah pada skor min yang rendah.

Jadual 4: Analisa Item Persekutaran Sekolah bagi dimensi Sistem Penyelenggaraan dan Perubahan

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
Guru digalakkan bersifat inovatif di sekolah ini dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.	4.07	0.65
Guru perlu bekerja lebih masa untuk menyiapkan kerja mereka berkaitan kokurikulum.	3.82	0.82
Terdapat sedikit peraturan yang perlu saya patuhi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.	3.6	0.76
Kebanyakan guru suka akan idea untuk berubah.	3.59	0.76
Idea berkaitan kokurikulum baru yang berbeza sentiasa dicuba di sekolah ini.	3.55	0.64
Tidak ada masa untuk guru untuk berehat di sekolah.	3.48	0.96
Saya dibenarkan melakukan apa sahaja yang saya ingin semasa mengendalikan aktiviti kokurikulum.	3.47	0.78
Adalah sukar untuk menangani beban kerja kokurikulum yang ada.	3.46	0.86
Guru sering diminta untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan mengenai dasar dan prosedur pentadbiran kokurikulum.	3.44	0.84

Guru tidak perlu bekerja keras di sekolah ini dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum.	3.37	0.97
Sekolah atau perpustakaan mempunyai buku dan jurnal terpilih berkaitan kokurikulum yang mencukupi.	3.18	0.83
Jarang ada tarikh akhir yang perlu dipatuhi dalam menyiapkan tugasankokurikulum.	3.18	0.93
Peralatan seperti video, tape dan filem tayangan wujud dan boleh dicapai untuk digunakan dalam aktiviti kokurikulum.	3.17	0.96
Tindakan biasanya boleh diambil tanpa mendapat persetujuan ketua penasihat atau guru penolong kanan kokurikulum.	3.06	0.96
Anda boleh mengambil mudah berkaitan kokurikulum dan masih menyiapkan kerja yang dilakukan.	2.94	0.91
Saya digalakkan untuk membuat keputusan tanpa merujuk kepada guru penolong kanan kokurikulum.	2.91	0.87
Kursus atau bahan kokurikulum baru jarang dilaksanakan di sekolah.	2.85	0.77
Adalah amat sukar untuk membuat sesuatu perubahan di sekolah ini berkaitan kokurikulum.	2.8	0.91
Saya amat sedikit kuasa berkaitan pengurusan kokurikulum sekolah.	2.76	0.83
Saya tidak diharapkan untuk mematuhi jadual aktiviti kokurikulum tertentu.	2.7	1.01
Perakam pita dan kaset jarang atau sukar didapati jika diperlukan dalam aktiviti kokurikulum.	2.61	0.87
Terdapat banyak rintangan terhadap cadangan-cadangan bagi perubahan kokurikulum.	2.59	0.83
Saya harus merujuk guru penolong kanan kokurikulum untuk mendapatkan keputusan muktamad walaupun berkaitan perkara kecil.	2.58	0.93
Bekalan peralatan dan sumber tidak mencukupi untuk aktiviti kokurikulum.	2.55	0.93
Saya diminta mengekalkan kawalan yang sangat ketat semasa aktiviti kokurikulum dijalankan.	2.44	0.76
Saya selalu diselia untuk memastikan bahawa saya mengikuti arahan dengan betul dalam melaksanakan aktiviti berkaitan kokurikulum.	2.4	0.73
Keputusan mengenai pengurusan/pentadbiran kokurikulum sekolah biasanya dibuat oleh pengetua atau sekumpulan kecil guru.	2.4	0.85
Kemudahan tidak mencukupi untuk memenuhi pelbagai aktiviti kokurikulum dan saiz kumpulan yang berbeza.	2.39	0.89
Saya perlu memberitahu pengetua/guru penolong kanan kokurikulum sebelum saya melakukan kebanyakan perkara berkaitan kokurikulum.	2.18	0.64
Adalah dianggap sangat penting saya sentiasa mengikuti jadual dan takwim aktiviti kokurikulum.	1.95	0.65

## CADANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa faktor persekitaran sekolah dalam perlaksanaan aktiviti kokurikulum adalah pada tahap sederhana. Bagi meningkatkan sokongan persekitaran sekolah dalam perlaksanaan aktiviti kokurikulum, pihak sekolah, pejabat pelajaran daerah, jabatan pelajaran negeri dan Kementerian Pendidikan perlu memberikan perhatian kepada aspek persekitaran sekolah. Segala bantuan sama ada dalam bentuk latihan kemahiran, tenaga pakar, jurulatih atau peruntukan kewangan adalah perlu bagi meningkatkan tahap persekitaran sekolah yang lebih baik. Guru-guru perlu diberi latihan yang berterusan oleh pihak sekolah sendiri atau jabatan pelajaran dalam meningkatkan kemahiran untuk mengendalikan aktiviti kokurikulum agar lebih berkesan. Melalui cara ini dapat meningkatkan tahap profesional guru dalam bidang kokurikulum.

Pengalaman dan kemahiran guru-guru lama dalam mengendalikan aktiviti kokurikulum perlu sentiasa dikongsi bersama dengan guru baru. Hubungan yang baik juga perlu dijalin sesama rakan sejawat atau antara guru dengan pelajar kerana ia memberikan impak yang baik dalam menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti yang dilaksanakan. Suasana yang kondusif ini juga akan menambahkan sokongan guru dan pelajar dalam melaksanakan aktiviti di sekolah. Guru-guru yang berpengalaman juga dapat melakukan berbagai aktiviti yang menarik serta berinovasi dalam merancang perlaksanaan aktiviti kokurikulum.

Pihak sekolah perlu memberikan perhatian terhadap kemudahan dan prasarana yang ada agar ia lengkap dan mencukupi bagi pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Faktor sumber dan kemudahan atau kelengkapan untuk aktiviti kokurikulum adalah perkara penting dalam perjalanan sesuatu aktiviti kokurikulum. Kekurangan kelengkapan atau sumber akan menyebabkan aktiviti kokurikulum tidak dapat berjalan dengan baik atau sempurna.

## KESIMPULAN

Memahami bagaimana persekitaran sekolah mampu membantu dalam perlaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah. Ia merupakan faktor penting dalam membantu pihak pentadbir dan guru di sekolah, pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Negeri, seterusnya pihak tertentu di Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melaksanakan dasar dan perancangan yang telah ditetapkan. Faktor persekitaran sekolah perlu diberi perhatian dari beberapa aspek seperti sokongan pelajar dan guru-guru, kepentingan profesional guru, kebebasan dan penyertaan guru-guru dalam membuat keputusan secara bersama, guru dan pihak sekolah yang berinovasi, sumber atau kemudahan yang mencukupi serta kurangnya tekanan kerja.

## RUJUKAN

- Ary, D., Jacobs, L. C., dan Razavieh, A. (2002). *Introduction to Research in Education*. U.S.A.: Wadsworth/Thomson Learning.
- Fisher, D. L., & Fraser, B. J. (1991b). Validity and use of the school-level environment. *Journal of Classroom Interaction*, 26(2), 13–18.
- Foster, C. R. (2008) *Extracurricular activities in the high school*. New York, NY: Read Books.
- Fraser, B. J. (1986). *Classroom Environment*. Croom Helm, London.
- Freiberg, H. J., & Stein, T. A. (1999). Measuring, improving and sustaining healthy learning environments. In H. J. Freiberg (Ed.), *School climate: Measuring, improving and sustaining healthy learning environments* (pp. 11–30). London: Falmer Press.
- Guildford, J. P. (1973). *Foundamental Statistics in Psychology and Education*, 5<sup>th</sup> edition. New york: McGraw-Hill.
- Hoy, W. K., and Miskel, C. G. (1987). *Educational Administration: Theory, Research, and Practice* (3rd ed.). Random House, New York.  
<http://www.ipislam.edu.my/uploaded/file/jaflus.pdf> [18 Januari 2011]  
[http://www.saifuddinabdullah.com.my/k\\_bharian/2006](http://www.saifuddinabdullah.com.my/k_bharian/2006) [26 Febuari 2011]
- Jarzabkowski L. M. (2002). The social dimensions of teacher collegiality, *Journal of Educational Enquiry*, Vol. 3 No. 2, pp. 1-20.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (1989). "Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marsh, H. W., & Kleitman, S. (2002). Extracurricular school activities: The good, the bad, and the nonlinear. *Harvard Educational Review*, Vol. 72, Issu. 4, pp. 464-511.
- Mohd Jaflus Bahari (2008). *Faktor-faktor yang Menghalang Penglibatan pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban*.
- Nor Azah Azman (2007). *Peranan Pengetua Sebagai Pengurus Kokurikulum di Sekolah Menengah Daerahj Mersing*. Disretasi Sarjana Pengurusan dan Pentadbiran. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Odogwu H., Adeyemo S.A., Jimoh J.A., Yewonde R.O., (2011). Science, mathematics and technology teachers' perception of school environment: Gender differences. *Multicultural Education & Technology Journal*, Vol. 5 Iss: 4 pp. 274 - 287
- Omardin Ashaari (2007). *Pengurusan Sekolah : Satu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur. Utusan Publication and Distribution Sdn. Bhd.
- Pascarella, E. T., & Terenzini, P. T. (2005). *How college affects students: A third decade of research*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Ramlan Abd.Wahab.Dewan Masyarakat (Januari 2002).Kerangkraf Publication Sdn. Bhd.
- Reaves W. D., Hinson A. Roger dan Marchant A. M. (2010).Benefits and Costs of Faculty Participation in Extra- and Co-curricular Activities. *NACTA Journal*, pp. 54-60.

- Rentoul, A. J. dan Fraser, B. J. (1983).Development of a school-level environment questionnaire.*Journal of Educational Administration*, Vol 21, pp. 21-37.
- Saifuddin Abdullah (2006). Kokurikulum pelengkap akademik, Keseimbangan dalam sistem pendidikan mampu lahirkan insan cemerlang.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1/1986 KP(BS)8591/Jld. 11/(41) bertarikh 15 Januari 1986
- Tableman, B. (2004), “School climate and learning”, Best Practice Beliefs, Vol. 31, pp. 1-10.
- Templeton R. A dan Johnson C. E. (1998).Making the School Environment Safe: Red Rose’s Formula.*Learning Environments Research* 1: 35–57
- Warta Kerajaan Jil. 42/No. 11(Tambahan No. 41) Perundangan (A)/ P.U.(A) 196 bertarikh 21hb Mei 1998
- Webster, B. J., & Fisher, D. L. (2003).School level environment and student outcomes in mathematics.*Learning Environment Research*. Vol. 6, 309–326
- Zeichner, K. (1986). *The ecology of field experience: toward an understanding of the role of field experiences in teacher development*. In M. Haberman, & J. M. Backus (Eds.), Advances in teacher education, Vol. 3 (pp. 94–117).